

09 MAR 2001

Thailand-Sempadan

BANGKOK CADANG LANJUT WAKTU OPERASI PUSAT PEMERIKSAAN SEMPADAN

Oleh: David Chelliah

KUALA LUMPUR, 9 Mac (Bernama) -- Bangkok mencadangkan supaya waktu operasi pusat-pusat pemeriksaan di sepanjang sempadan Malaysia-Thailand, khususnya di Bukit Kayu Hitam dilanjutkan hingga 24-jam sehari, kata Menteri Luar Thailand Dr Surakiart Sathirathai.

Beliau berkata, pusat pemeriksaan Bukit Kayu Hitam-Sadao harus beroperasi 24-jam dalam usaha meningkatkan kerjasama antara kedua-dua negara demi manfaat bersama di kawasan sempadan kedua-dua negara.

Dr Surakiart yang baru memegang jawatan itu dalam kerajaan baru Thailand pimpinan Perdana Menteri Thaksin Shinawatra berkata, dengan langkah itu aktiviti import dan eksport antara kedua-dua negara boleh berjalan lebih lancar di pintu masuk utara.

Sebagai contoh, beliau berkata barangan yang lekas rosak yang dihantar dari Malaysia atau Thailand sering tersadai di pusat-pusat pemeriksaan apabila operasi pusat-pusat itu ditutup untuk hari berkenaan.

Beliau berkata ini membawa kos tambahan untuk menyimpan barang-barang lekas rosak di kedua-dua belah sempadan yang terpaksa ditanggung oleh pengeksport dan pengimport di kedua-dua negara.

Dalam satu temubual bersama BERNAMA dalam lawatan seharusnya ke sini, semalam, Dr Surakiart berkata bukan semua pusat pemeriksaan sempadan perlu dibuka 24 jam tetapi sebaliknya waktu operasi pusat-pusat pemeriksaan lain boleh dilanjutkan.

Sebagai contoh katanya, pusat-pusat pemeriksaan yang beroperasi dari 5 pagi ke 9 malam harus dilanjutkan ke 24 jam sementara pusat-pusat yang beroperasi selama tiga jam sehari harus dilanjutkan antara enam dan tujuh jam.

Dr Surakiart berkata, satu kumpulan kerja yang terdiri daripada wakil-wakil daripada kedua-dua kerajaan memandang serius cadangan melanjutkan tempoh operasi pusat-pusat pemeriksaan sempadan dan telahpun merumuskan mekanisme untuk menyelesaikan isu itu.

Dalam lawatan sulungnya ke sini sebagai Menteri Luar, Dr Surakiart berkata cadangan pusat pemeriksaan Bukit Kayu Hitam dibuka 24 jam juga akan memudahkan pekerja-pekerja Thai untuk bekerja di bahagian utara Malaysia.

Mengenai rancangan Malaysia untuk membuka pasaran buruhnya kepada negara-negara terpilih, beliau menghargai pelawaan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk pekerja-pekerja Thai bekerja di kawasan-kawasan perindustrian di negara ini.

Dr Surakiart berkata, Thailand sedia menggalakkan pekerja-pekerja berkemahiran dan tidak berkemahiran untuk mencuba kemahiran mereka di Malaysia asalkan gaji yang ditawarkan adalah sesuai, persekitaran kerja yang selesa dan keselamatan pekerja terjamin.

Beliau berkata, satu kumpulan kerja telah ditubuhkan dalam Kementerian Buruh Thai untuk meninjau bidang-bidang spesifik di Malaysia yang memerlukan pekerja Thai.

"Permintaan dan bekalan mesti seiring dan kita perlu bersetuju mengenai pendaftaran, prosedur visa dan persekitaran kerja sebelum boleh mengeksport pekerja kita ke Malaysia," kata beliau lagi.

Mengenai cadangan Malaysia untuk membina jambatan darat bernilai RM10 bilion yang menghubungkan bahagian utara semenanjung dan selatan Thailand pada 1997, beliau berkata status projek sejauh 200km untuk membawa trafik jalan raya, kereta api dan saluran paip masih dalam perancangan.

Beliau berkata, Thailand yakin apabila keadaan ekonomi kedua-dua negara pulih, projek jambatan darat itu boleh dimulakan.

Mengenai projek itu di bahagian Thailand, Dr Surakiart berkata pelan induk mengenai projek itu telahpun disiapkan oleh Lembaga Ekonomi dan Pembangunan Sosial Thailand.

Mengenai usaha Malaysia untuk menghalang aktiviti penyeludupan di sepanjang sempadan Malaysia-Thailand, beliau berkata Thailand akan memberi kerjasama penuh untuk menyelesaikan masalah itu.

Beliau berkata, kerajaan baru Thailand memberi penekanan kepada usaha-usaha meningkatkan hubungan dan kerjasama dengan rakan-rakannya.

"Kita mahu bekerjasama lebih rapat lagi dengan jiran-jiran berbanding sebelum ini," kata beliau.

Semasa lawatan sehari semalam, Menteri Luar Thailand antara lain menemui rakan sejawatannya di Malaysia Datuk Seri Syed Hamid Albar dan melakukan kunjungan hormat terhadap Dr Mahathir di Putrajaya.

-- BERNAMA

DC AZZ PR